

06/05/2016 - Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir & Diplomatik (PPTD) 2016

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara pengacara majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim Seman, Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD),

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Barisan EXCO PPTD,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saudara-saudari rakan-rakan Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat kurnia dan keizinan-Nya, Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) 2016 dapat diadakan pada pagi ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada PPTD kerana memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung PPTD pada kali ini.

AMANAT YAB PM DI INVEST MALAYSIA 2016

Saudara-Saudari rakan-rakan PTD sekalian,

3. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Invest Malaysia pada 12 April 2016 memaklumkan bahawa **ekonomi Malaysia telah berkembang kukuh walaupun terpaksa mengharungi ketidaktentuan ekonomi global.**

4. Ekonomi Malaysia berkembang **sebanyak 5 peratus pada tahun lepas; lebih tinggi berbanding unjuran awal**, menjadikan Malaysia salah sebuah negara yang pesat berkembang di rantau ini. *Organisation for Economic Cooperation & Development* (OECD) meramalkan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang sama – jauh lebih tinggi berbanding purata global – dalam tempoh empat tahun yang akan datang.

5. Saya tidak bercadang untuk menghuraikan secara panjang lebar perkembangan positif dan pencapaian-pencapaian utama ekonomi Malaysia yang telah disampaikan dalam ucapan YAB Perdana Menteri tetapi sebaliknya ingin meminta Pegawai PTD sekalian untuk mendapatkan sesalinan teks ucapan tersebut dan memahami dan menghayati kandungannya.

6. Saya amat yakin bahawa segala pencapaian yang dicatatkan Malaysia ini antaranya adalah hasil daripada usaha, dan komitmen teguh anda semua barisan Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama ini.

7. Justeru, saya berharap agar semua rakan PTD yang ada pada hari ini dapat meneruskan momentum kejayaan ini. Jadikanlah diri kita sebagai pegawai yang berjaya melaksanakan apa yang telah dirancang dan diamanahkan.

8. I believe many of you have heard a popular saying that goes: “There are three types of people in this world: those who make things happen, those who watch things happen, and those who wonder what happened.” I hope all of you here today are those who make things happen!

PERKHIDMATAN AWAM PASCA 2020

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Hakikat bahawa Malaysia pada hari ini berada di selekoh kritikal dan berhadapan dengan cabaran-cabaran konvensional dan baharu adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi. Malah, dalam keterbatasan waktu kita mengejar cita-cita negara menjadi ekonomi maju menjelang tahun 2020, kita seringkali dikejutkan dengan pelbagai senario dan cabaran yang menuntut perkhidmatan awam menilai kembali strategi dan pendekatan masa lalu dan memperkenalkan kaedah baharu yang lebih sesuai dengan keperluan semasa.

10. Dalam konteks ini, JPA dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) dan Malaysian Foresight Institute (*myForesight*) telah menjalankan **kajian meneroka senario masa hadapan khusus untuk Perkhidmatan Awam Malaysia pasca tahun 2020.**

11. Kajian ini telah mengambil kira faktor atau trend masa hadapan seperti ketidaktentuan geopolitik, cabaran Big Data, *dehumanisation*, feminisasi tenaga kerja, jurang digital dan beberapa trend lain dalam merangka hala tuju perkhidmatan awam pasca 2020. Saya berharap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang lain akan turut sama melaksanakan perancangan senario atau *scenario planning* dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar di organisasi masing-masing.

THE ABILITY TO GET THINGS DONE

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Baru-baru ini, Business Insider Malaysia; *the Malaysian edition of the world's fastest-growing business and technology news website* telah menerbitkan sebuah artikel: "*Which Characteristic and Abilities Matter*", hasil Kajian yang dijalankan oleh Steven N. Kaplan dan Morten Sorensen, dari University of Chicago Booth School of Business dan Copenhagen Business School.

13. Kajian yang melibatkan seramai 2600 responden itu telah dijalankan ke atas calon eksekutif yang berpotensi dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau CEOs di mana-mana firma dan syarikat besar di Amerika Syarikat.

14. Kajian ini memfokuskan kepada 4 ciri atau kompetensi utama yang perlu dimiliki untuk menjadi pemimpin yang berjaya. Kompetensi tersebut ialah:

- **general ability** – yang merujuk kepada kemahiran asas seperti kemahiran berfikir, berkomunikasi, bersosial dan kemahiran teknikal;
- **execution skills** – memperkatakan mengenai kebolehan menterjemahkan strategi kepada pelaksanaan sebenar menerusi keupayaan menguruskan sumber-sumber di bawah kawalan secara strategik;
- **charisma** – merujuk kepada keyakinan dan kekuatan yang ada pada diri pemimpin dan kemampuan untuk meyakinkan warga organisasi menjayakan sesuatu misi; dan
- **strategic skills** – merujuk kepada kreativiti dan keupayaan melihat sesuatu dalam konteks yang lebih besar atau *big-picture thinking*.

15. *As it turns out, CEO candidates scored highly on all four characteristics. But one interesting finding is that CEO candidates were typically rated low on interpersonal skills, which involves behaviours like being a good listener and treating people with respect. In other words,*

leaders who have the ability to get things done are not necessarily the most agreeable individuals.

16. Saya tidak menyatakan kajian ini secara keseluruhannya tepat. Namun, sekiranya kita mengambil sikap positif, saya kira penemuan yang dihasilkan ini ada kebenarannya. Lebih-lebih lagi apabila perkhidmatan awam kini berhadapan dengan rakyat dari generasi yang berbeza. Mereka mempunyai idealisme dan ekspektasi yang berbeza dari perkhidmatan awam.

17. Dalam hubungan ini, saya mengharapkan PTD yang ada di hadapan saya hari ini merupakan pemimpin dan bakal pemimpin yang bukan sahaja berjaya melaksanakan tugas tetapi pada masa yang sama memiliki **interpersonal skills yang tinggi** kerana kita berurusan dengan pelbagai lapisan masyarakat yang kompleks dan *demanding*.

DUTY, HONOUR, COUNTRY

Hadirin rakan-rakan PTD sekalian,

18. Kita sedia maklum bahawa, Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang mewarisi tradisi keunggulan *Malayan Civil Service* (MCS), telah mencecah 44 tahun usianya. Dalam tempoh tersebut, pelbagai perubahan dalam perkhidmatan awam telah berjaya dibawa oleh pemimpin-pemimpin terdahulu untuk menjadikan skim PTD ini kekal unggul dan disegani.

19. Angka ini seharusnya mencerminkan kematangan dan kebijaksanaan para pegawai yang bernaung di bawah skim ini. Sebagai PTD, kita seharusnya berbangga kerana diberikan peluang untuk menabur budi, jasa dan bakti kepada ibu pertiwi.

20. Tiga (3) kalimat keramat yang dilafazkan oleh Douglas Mac Arthur, *an American five-star general* seharusnya digenggam dan disemat rapi dalam sanubari setiap PTD. Tiga (3) kalimat tersebut ialah DUTY, HONOUR, COUNTRY.

21. Menurut panglima tentera ini; *Those three hallowed words reverently dictate what you ought to be, what you can be, what you will be. They are your rallying points: to build courage when courage seems to fail; to regain faith when there seems to be little cause for faith; to create hope when hope becomes forlorn.*

22. Justeru, berpegang kepada DUTY, HONOUR, COUNTRY – saya mengajak rakan-rakan PTD sekalian untuk melaksanakan tanggungjawab kita dengan penuh rasa bangga demi membangunkan negara kita yang tercinta ini.

KOLABORASI STRATEGIK

23. PPTD telah bekerjasama dengan beberapa persatuan dan agensi seperti PUSPANITA dan MAKSAK bagi menganjurkan aktiviti rekreasi, riadah dan sosial. Ini merupakan satu inisiatif yang baik dan harus diteruskan.

24. Pada masa yang sama, saya juga berharap agar persatuan kita dapat mengadakan **kolaborasi strategik dengan rakan-rakan sejawat di negara lain seperti *Indian Administrative Service Officers* dan *Singapore Administrative Service Officers*** yang mempunyai peranan yang hampir serupa dengan Pegawai PTD. Saya amat mengalu-alukan cadangan daripada anda sekalian bagaimana kolaborasi strategik ini boleh dilaksanakan.

PENUTUP

Saudara-Saudari Sekalian,

25. Sempena tahun 2016 yang menandakan titik permulaan pelaksanaan RMK Ke-11, saya berharap kita semua dapat melaksanakan strategi yang telah digariskan dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak. Berikan sepenuh tumpuan dan komitmen kepada tanggungjawab kita sebagai pegawai PTD dan anggota perkhidmatan awam.

26. Buktikan bahawa kehadiran kita benar-benar memberi impak yang signifikan kepada perkhidmatan awam dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

27. Saya dimaklumkan bahawa tema Mesyuarat Agung PPTD 2016 pada tahun ini dikekalkan sepertimana tema pada tahun lalu iaitu 'Persatuan Kita, Tanggungjawab Kita'. Saya menyokong penuh tema ini kerana kita perlu bertanggung jawab ke atas persatuan kita sendiri. Rasa kebertanggungjawaban terhadap persatuan perlu dipupuk dan disemai dalam usaha mewujudkan keharmonian dan solidariti dalam kalangan ahli PPTD. Komitmen ini perlu dizahirkan melalui penglibatan aktif ahli-ahli PPTD dalam pelbagai aktiviti dan inisiatif yang diusahakan oleh PPTD sama ada secara formal atau tidak formal.

28. Saya juga difahamkan bahawa akan terdapat pemilihan dalam Mesyuarat Agung PPTD pada hari ini. Dalam konteks ini saya berharap agar ahli-ahli PPTD akan menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sewajarnya. Di samping itu, seperti dalam ucapan saya pada tahun lepas, saya berharap PPTD akan memberikan **lebih banyak peluang kepada pegawai-pegawai muda untuk menjawat jawatan-jawatan penting** di dalam persatuan. Ini adalah supaya PPTD dapat dijadikan sebagai inkubator bagi menggilap bakat-bakat muda selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengukuhkan bakat dalam sektor awam. Kita telah mula melihat lebih ramai pegawai muda menjadi ketua jabatan seperti KSU KBS, yang merupakan PTD termuda setakat ini yang menjadi Ketua Setiausaha.

Hadirin rakan-rakan PTD sekalian,

29. Marilah kita memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga kita diberikan kekuatan untuk sama-sama memperbaiki diri dan memperkasa perkhidmatan PTD demi kelangsungan perkhidmatan awam negara kita. Mudah-mudahan segala usaha murni kita akan diberkati oleh Allah SWT.

30. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada PPTD kerana telah menjemput saya bagi merasmikan persidangan tahunan ini. Maka dengan lafaz yang mulia *Bismillahir rahmanir rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tahun 2016. Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2058>